

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA - BN]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN (NO. 27)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan jangka panjang Kementerian ke atas sukan berstatus antarabangsa yang memakan kos belanja yang amat besar seperti Le Tour de Langkawi, Monsun Cup, dan Perlumbaan F1. Adakah pulangan daripada aktiviti-aktiviti sukan ini setimpal dengan modal yang telah dikeluarkan dan bagaimana ia membantu negara mendapatkan semula pulangan modal.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejohanan-kejohanan sukan antarabangsa dikelolakan seperti LTDL, Monsun Cup dan Perlumbaan F1 mempunyai kepentingan tersendiri terhadap Negara. Bagi acara antarabangsa yang berobjektifkan pelancongan sukan (*sport tourism*) ianya memberi impak kepada pulangan ekonomi Negara. Ianya juga bertujuan untuk mempromosikan tempat-tempat perlancongan yang terdapat di negara ini ke serata dunia. Sungguhpun ia menelan kos yang dianggap tinggi tetapi ia masih dikira rendah dibandingkan sekiranya Kerajaan membuat promosi dari sebuah negara ke sebuah negara. Sebagai contoh dengan peruntukan Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM17 juta dan sokongan dari penajaan korporat sebanyak RM 2.48 juta, LTDL 2014 telahpun berjaya dijalankan dengan skala terbesar dalam sejarah penganjuran melalui penilaian kualiti penyertaan pasukan, penyiaran TV antarabangsa dan pengiklanan/promosi domestik dan antarabangsa secara menyeluruh.

2. Berdasarkan pengiraan universal berkenaan dengan penyiaran TV antarabangsa (mengambilkira RM1 untuk setiap penonton) di Eurosports sebagai penyiar rasmi antarabangsa merekodkan jumlah penonton minimum iaitu 500 juta penonton. Kiraan ini membawa kepada jumlah RM500 juta berbanding perbelanjaan keseluruhan acara. Astro Arena juga memberi penilaian sekitar RM2.5 juta berdasarkan penonton tempatan yang menonton siaran

langsung dan rangkuman selama 10 hari. Media-media lain seperti laman web, media cetak suratkhabar tempatan, *outdoor* media dan pelbagai ruang media lain memberikan nilai sebanyak RM15 juta.

3. Pengunjung LTDL di kesemua venue perlumbaan seramai 897,963 mengambilkira nilai purata minima RM30 perbelanjaan seorang pengunjung membawa kiraan RM26,938,890. Keseluruhan jumlah pengiraan kepada kesan ekonomi adalah RM560,424,971.90 atau 33 kali jumlah perbelanjaan RM17juta yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dalam penganjuran LTDL 2014.
4. Di samping itu dari segi limpahan ekonomi, penyertaan syarikat-syarikat tempatan dalam mengendalikan pengelolaan tersebut haruslah diambil kira. Ianya termasuklah memberi peluang pekerjaan kepada sektor-sektor yang terlibat seperti sektor logistik, perkhidmatan/teknikal, pengangkutan, penyiaran, penerbitan tv dan media serta hotel-hotel penginapan.
5. Kementerian Belia dan Sukan telah memeterai perjanjian baru penganjuran Piala Monsun dengan pihak Innovatige Sdn Bhd selama tiga (3) tahun iaitu bermula pada tahun 2013 hingga tahun 2015. Kos Penganjuran Piala Monsun setahun berjumlah RM 12.9 juta. Manakala tambahan kos bagi penganjuran Liga Layar Malaysia dan Program Belia Belayar ialah sebanyak RM 760 ribu bagi tempoh dua (2) tahun untuk 15 sirkit. Di antara pulangan modal (ROI) Piala Monsun 2013 kepada pihak Kementerian ialah “Gross Media Value” termasuk nilai penyiaran antarabangsa melalui siaran secara langsung, siaran tertunda, edaran media, media sosial dan dalam talian dianggarkan berjumlah seratus tiga

puluh lima (RM 135) juta. Ratio pulangan modal bagi penganjuran Piala Monsun 2013 ini RM135 juta/ RM 12.9 juta bersamaan 10.5 kali. Bermakna setiap perbelanjaan RM 1.00 pulangannya ialah 10 kali. Ia disahkan oleh Retucom (UK Base) syarikat antarabangsa yang membuat penilaian terhadap pengelolaan Piala Monsun Cup.

6. Dalam Program Pembangunan Atlet Negara Monsun Cup telah berjaya melahirkan atlet negara iaitu Jeremy Koo yang telah bertanding di Sukan Asia 2014. Beliau kini merupakan Match Racing empat (4) pengemudi pasukan terbaik Asia dan layak ke separuh akhir acara Match Racing di Sukan Asia 2014. Kemungkinan beliau boleh memenangi pingat di temasya sukan ini.
7. Program Belia Belayar yang merupakan sebahagian daripada program di bawah Piala Monsun telah melahirkan pelayar-pelayar baru yang membabitkan pelajar-pelajar sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang dijemput untuk menyertai Klinik selama tiga (3) hari di lapan (8) venue iaitu Program Belia Belayar di Langkawi, Lumut, Pulau Indah Klang (dua kali), Putrajaya, Port Dickson, Pulau Duyong Terengganu dan Danga Bay, Johor. Setakat ini lima (5) sirkit yang telah dijalankan pada tahun ini telah menerima penyertaan seramai 3,500 orang peserta. Selain itu jurulatih-jurulatih baru dan lama juga diberi latihan sebagai jurulatih Match Racing di semua lapan (8) venue ini.
8. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian ini telah menyediakan program-program pembangunan sukan bermotor (empat roda) khususnya sukan go-kart secara sistematik hingga ke

peringkat akar umbi untuk mencari bakat-bakat baru yang berpotensi untuk di ketengahkan menjadi pelumba Formula Satu (F1) pada masa akan datang. Program tersebut ialah Kursus Asas Go-kart yang telah dilaksanakan di setiap Negeri sepanjang tahun hingga kini. Hasilnya lahirlah pelumba-pelumba Negara yang disegani di peringkat dunia seperti :-

- i. Nazim Ahmad berusia 13 tahun Juara Rotax Max (Malaysian Championship)
- ii. Adam Haikal berusia 14 tahun ,Formula 4 (WSK Euro Series & CIK/FIA Euro Championship)
- iii. Nabil Jeffri di kejohanan Formula BMW dan *Germany Championship*
- iv. Jazeman Jaafar di kejohanan GP2 Series (Support Race for Formula 1) and Formula Renault 3.5 (WSR)

Sekian, terima kasih.